

**Pemuda Umno dan NGO di P.Pinang buat Laporan Terhadap Rayer
Bernama
Mei 27, 2014**

NIBONG TEBAL, 27 Mei (Bernama) -- Beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pemuda Umno di Pulau Pinang hari ini membuat laporan polis terhadap Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Delima R.S.N Rayer kerana mengeluarkan kenyataan berbaur hasutan dalam beberapa ceramah kempen pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gelugor, baru-baru ini.

Laporan itu dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), di sini.

Antara yang membuat laporan polis itu ialah Pemuda Umno Bahagian Nibong Tebal, Pemuda Umno Bahagian Bukit Mertajam, Pemuda Umno Bahagian Tasek Gelugor, Pemuda Umno Balik Pulau, Gabungan NGO Islam Pulau Pinang, Gerakan Belia 4B Balik Pulau dan Nibong Tebal, Majlis Belia Barat Daya, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Barat Daya dan Pekida Barat Daya.

Ketua Pemuda Nibong Tebal Norheisham Ismail berkata pihaknya mahu polis menggunakan Akta Hasutan 1948 bagi menyalak Rayer yang dalam ceramahnya semasa berkempen untuk calon DAP Ramkarpal Singh Deo berulang kali menghasut rakyat dengan menyebut 'Umno Celaka'.

"Ungkapan biadab dan kurang ajar Rayer itu menyebabkan 3 juta anggota Umno di seluruh negara marah," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis itu.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Balik Pulau Hisham Abdul Hamid berkata pihaknya mahu polis mengambil tindakan tegas terhadap Adun berkenaan kerana kenyataannya itu boleh menggugat keamanan dan keselamatan negara serta dengan sengaja membuat provokasi.

"Kami desak Rayer menarik balik kenyataannya dan memohon maaf..jika beliau gagal berbuat demikian, Pemuda Umno sedia menghadapi apa sahaja untuk parti keramat milik orang Melayu ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041898>